



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (Company No. 902884V)
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan untuk membangunkan dan menjadi pemilik Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("Projek KVMRT").

Pembida adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar seperti yang dinyatakan di dalam jadual berikut.

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	HARGA DOKUMEN RFP
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR THE APPOINTMENT OF CONSULTANCY SERVICE FOR MASTER LAYOUT PLAN AND DEVELOPMENT ORDER SUBMISSION FOR TITIWANGSA AND HOSPITAL KUALA LUMPUR TRANSIT ORIENTED DEVELOPMENT (RFP NO: RFP/PD/Q67-2021)	Memiliki sijil pendaftaran yang masih sah dari: 1) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 2) Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dan memiliki kod bidang (33 – Perkhidmatan Perunding Fizikal)	RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) Sahaja dalam bentuk Draf Bank / Banker's Cheque pembayaran kepada:- Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)

Dokumen RFP boleh dibeli mulai **Jumaat, 14 Januari 2022** sehingga **Khamis, 20 Januari 2022** dari:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN	WAKTU JUALAN DOKUMEN TAWARAN
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis: 9.00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang - 5:00 petang Jumaat: 9.00 pagi - 12:00 tengahari dan 3:00 petang - 5:00 petang

Pembelian Dokumen RFP mestilah disertakan dengan Draf Bank atau 'Banker's Cheque' dengan nilai **RM 1,000.00** atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen RFP yang lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermetri serta ditandakan dengan jelas Tajuk RFP dan Nombor RFP di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di MRT Corp, Jabatan Perolehan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari, Rabu, 26 Januari 2022**. Mana-mana penyerahan lewat akan dibatalkan.

Selain dari syarat-syarat RFP di atas, Pembida **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI

- 1) Pembida mempunyai pengalaman merekabentuk dan menyiapkan Pelan Induk Pembangunan Berorientasikan Transit (Transit Oriented Development - TOD) dengan Hub Pengangkutan sebagai Komponen Utama.
- 2) Pembida mempunyai pengalaman merekabentuk dan menyiapkan Pelan Induk Projek Pembangunan Bercampur dengan Kompleks Perniagaan (mall).
- 3) Pembida mempunyai pengalaman merekabentuk dan menyiapkan Pelan Induk Projek Pembangunan Bercampur yang membabitkan Sistem Penyuraian Lalu-lintas.

Nota:

1. Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh ditetapkan.
2. Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
3. Dokumen RFP akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pembida boleh meneliti Dokumen RFP sebelum membuat pembelian .
4. MRT Corp **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk Dokumen RFP sebelum waktu yang telah dijadualkan di atas.
5. Dokumen RFP ini hanya akan dijual kepada wakil Pembida yang sah "bona fide". Untuk tujuan tersebut, wakil Pembida WAJIB mengemukakan Surat Pengesahan sebagai wakil serta sijil pendaftaran **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Sijil pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)** yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) untuk mengesahkan kelayakan Pembida.
6. Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005] Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang telah diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah TIDAK akan diterima.
7. Dengan mengeluarkan kenyataan tawaran ini, MRT Corp tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.
8. MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tawaran ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **603-2095 2121** atau e-mail ke procurement@mymrt.com.my.